

Empat faktor punca BN menang besar

Oleh AZMAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 4 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad menggariskan empat faktor yang menjadi penyumbang utama kemenangan besar Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-11 baru-baru ini.

Menurut bekas Perdana Menteri, faktor tersebut ialah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, penubuhan Pergerakan Puteri UMNO, pembangkang yang kekeringan isu dan kebosanan rakyat terhadap isu kafir yang dibawa oleh Pas.

Katanya, faktor-faktor itu membolehkan BN meraih kemenangan melebihi dua pertiga kerusi Parlimen dan sebahagian

besar kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kemenangan BN kali ini sangat luar biasa. Berdasarkan analisis saya, kenapa kita menang ialah rakyat percaya kepada kepimpinan baru dan penubuhan Puteri UMNO merupakan penyumbang besar.

"Selain itu, pembangkang tidak ada isu yang boleh menarik sokongan rakyat. Mereka bawa isu lapuk terutama Pas yang pasang 'rekod' lama," katanya ketika berucap di majlis makan malam sempena ulang tahun ke-10 UMNO Bahagian Cheras di Hotel Mutiara, di sini malam ini.

Mahathir berkata, sikap bertolak ansur antara komponen BN juga menjadi penyumbang penting kepada kemenangan tersebut.

Katanya, UMNO sendiri mengamalkan sikap tidak tamak kuasa dan sentiasa bersedia berkongsi kuasa dengan parti-parti komponen BN.

"Berbeza dengan parti-parti yang memperjuangkan kemerdekaan di negara lain seperti Parti Kongres di India dan Liga Islam di Pakistan yang gagal bertahan.

"Tapi UMNO sampai sekarang terus popular walaupun sebenarnya sangat sukar untuk buat seperti ini tapi falsafah UMNO ialah tidak tamak dan sanggup berkongsi kuasa dengan kaum lain," katanya.

Sementara itu, Mahathir turut menggesa supaya tidak wujud perebutan jawatan dalam UMNO hingga boleh menyebabkan perpecahan dan melemahkan parti.

Kalau semua berebut jawatan, UMNO akan senasib dengan parti-parti kemerdekaan di negara-negara lain. Orang akan jadi bosan dan UMNO makin lemah.

"UMNO sangat penting kepada orang Melayu. Bagi mereka UMNO yang akan dapat menebus maruah mereka," tegas beliau.

Dalam pada itu, Mahathir turut mencadangkan agar UMNO menubuhkan sayap Pergerakan Putera untuk menarik ahli-ahli baru yang masih muda.

"Kita ada Puteri UMNO, kenapa kita tidak boleh ada Pergerakan Putera?"

"Orang-orang muda juga mahu lebih ramai daripada golongan mereka menjadi calon pilihan raya," katanya.



MAHATHIR Mohamad menyentuh bola kristal sebagai simbol perasmian ulang tahun ke-10 UMNO Cheras sambil diperhatikan oleh Ketua UMNO Bahagian, Datuk Syed Ali Al-Habshee (kiri) dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor di Kuala Lumpur, semalam.